

**Kuala Lumpur jadi sasaran syarikat Arab**  
**Utusan Online**  
**Februari 07, 2012**

KUALA LUMPUR 6 Feb. - Kuala Lumpur menjadi pilihan kepada syarikat-syarikat Arab untuk menubuhkan pejabat wakil atau rantau berbanding bandar-bandar lain di Asia Tenggara, menurut kaji selidik Strategia International.

Perkembangan tersebut berlaku selepas Malaysia diletakkan berada di tangga ke-18 dalam laporan Melakukan Perniagaan 2012 iaitu peningkatan sebanyak lima tangga, menurut kenyataannya di sini.

Malaysia juga berada di tangga terbaik bagi menjana kredit dan keempat terbaik dalam melindungi pelabur.

“Malaysia dan dunia Arab telah mempunyai sejarah panjang bermula dengan perkembangan Islam semasa pemerintahan Melaka,” katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0207&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0207&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_04.htm)